

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Rabu, 10 Jun 2020 12:58 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: [Kenyataan Media KPT] - Universiti Penyelidikan Di Malaysia Kini Dalam Kelompok 200 Terbaik Di Dunia
Attachments: KENYATAAN MEDIA KEPUTUSAN QS WORLD RANKING 2021.pdf



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 JUN 2020 / 18 SYAWAL 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

UUM ONLINE:



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

UNIVERSITI PENYELIDIKAN DI MALAYSIA KINI DALAM KELOMPOK 200 TERBAIK DI DUNIA

Buat julung – julung kalinya, kelima-lima buah Universiti Penyelidikan Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menunjukkan peningkatan yang amat membanggakan berbanding tahun sebelumnya dengan berada dalam **kelompok 200 terbaik dunia** dan **Top 1% in the World**. Laporan dikeluarkan oleh **Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2021** pada 10 Jun 2020.

Selain itu, UM sekali lagi telah berjaya disenaraikan sebagai 100 universiti terbaik di dunia. UM berada di tempat ke-59 dalam senarai universiti terbaik dunia berbanding di tempat ke-70 pada tahun 2019. UM telah berjaya disenaraikan dalam kedudukan 100 universiti terbaik sejak tahun 2018 iaitu tujuh (7) tahun lebih awal daripada sasaran malah berjaya mengekalkan dan meningkatkan kedudukan setiap tahun sehingga ke kedudukan hari ini.

Selain daripada UM, lima (5) Universiti Awam yang lain dan tiga (3) Universiti Swasta juga berjaya menunjukkan peningkatan yang membanggakan ke **kedudukan 500 terbaik dunia** iaitu UPM di kedudukan ke-132 (2020: 159), UKM di kedudukan ke-141 (2020: 160), USM di kedudukan ke-142 (2020: 165), diikuti oleh UTM di kedudukan ke-187 (2020: 217) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) di kedudukan ke-531-540 (2020: 591-600). Bagi Universiti Swasta yang terlibat, Taylor's University mendahului di kedudukan ke-379 (2020: 511-520), diikuti oleh UCSI University di kedudukan 391 (2020: 442) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) di kedudukan 439 (2020: 482).

Pada siri penarafan kali ini, 20 buah universiti tempatan telah tersenarai iaitu 12 buah universiti berjaya memperbaiki kedudukan berbanding tahun lepas, 6 buah universiti mengekalkan kedudukan dan 2 buah universiti jatuh dari kedudukan tahun lepas. Selain dari itu, 11 lagi institusi pendidikan tinggi tempatan (awam dan swasta) juga berjaya disenaraikan di dalam senarai **'top 1000'** *QS World University Rankings 2021*, iaitu *Management and Science University* (MSU), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Sunway University, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Malaysia Pahang (UMP), *Multimedia University* (MMU), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Kejayaan ini merupakan kejayaan terbaik negara setakat ini dan membuktikan bahawa hala tuju pendidikan tinggi negara berada di atas landasan yang betul dalam menyediakan institusi pendidikan tinggi yang berkualiti dan cemerlang sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPMPT). Kejayaan ini secara tidak langsung akan terus menempatkan Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi di rantau ini. Di samping itu, ianya juga dapat membantu institusi dalam menjalinkan kerjasama dengan penyelidik terkemuka dunia.

Dalam Laporan *QS* juga dinyatakan bahawa Malaysia merupakan antara negara yang menunjukkan peningkatan terbaik di dalam penarafan kali ini. Sistem pendidikan negara telah diiktiraf dalam kalangan ahli akademik dan majikan di peringkat antarabangsa.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

10 Jun 2020

SENARAI 20 INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA DALAM QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS (QS-WUR) 2021

NO.	INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI	QS- WUR 2020	QS- WUR 2021
1	UM	70	59
2	UPM	159	132
3	UKM	160	141
4	USM	165	142
5	UTM	217	187
6	Taylor's University	511 - 520	379
7	USCI University	442	391
8	UTP	482	439
9	UUM	591-600	531-540
10	MSU	541-550	551-560
11	IIUM	651-700	601-650
12	UiTM	651-700	651-700
13	Sunway University	751-800	701-750
14	UNITEN	801-1000	701-750
15	UMP	751-800	751-800
16	MMU	801-1000	801-1000
17	UNIMAS	801-1000	801-1000
18	UTAR	801-1000	801-1000
19	UniMAP	701-750	801-1000
20	UMS	801-1000	801-1000



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.